

# Bengkel Pengarahan Filem, Penulisan Skrip, Teknikal & Penyuntingan UniMAP



Mohd Izwan Izhar Haris & Muhammad Nazri Mohd Khalid

**Dewan Capitol, Kangar Perlis, 18 - 20 November 2009** - Universiti Malaysia Perlis telah terpilih untuk menjadi tuan rumah bagi Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke-7 yang bakal diadakan sekitar Januari 2010. Sehubungan dengan itu, menjadi hasrat Yang Berbahagia Naib Canselor untuk menghantar sebanyak mungkin penyertaan filem dan video, hasil karya dari kalangan pelajar UniMAP sendiri. Unit Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah memainkan peranan dan tanggungjawab untuk mengadakan Bengkel Pengarahan Filem, Penulisan Skrip, Teknikal dan Penyuntingan di UniMAP. Seramai 40 orang pelajar terpilih untuk menyertai bengkel yang berjalan selama tiga hari ini. Kesemua peserta bengkel dibahagikan kepada 3 kumpulan utama iaitu Bahagian Produksi, Bahagian Penulisan Skrip dan Bahagian Teknikal.

Pada sesi Bahagian Produksi peserta telah didedahkan dengan pecahan-pecahan tugas dalam sesebuah produksi antaranya yang meliputi Pre-Produksi (Pre Pro), Tugasan dan Produksi sendiri. Peserta didedahkan juga dengan pengalaman-pengalaman menarik dari pembikinan produksi era dahulu dan era kini. Penceramah yang mengendalikan sesi Bahagian Produksi ini ialah Y. Bhg. Dato Mustapha Maarof yang merupakan pengarah dan pelakon terkenal merangkap Presiden Persatuan SENIMAN Malaysia.

Manakala Penceramah bagi bahagian Penulisan Skrip pula telah disampaikan oleh Encik Ismail Ahmad yang merupakan penulis skrip drama dan filem yang terkenal di tanah air. Beliau juga merupakan Presiden Persatuan Penulis Skrip Malaysia (SWAM).

bagi tontonan peserta agar dapat diadaptasikan dalam video dan filem yang akan dicipta.

Bagi sesi Bahagian Teknikal pula, peserta ditekankan dengan elemen-elemen teknikal yang utama seperti penataan cahaya, fungsi utama kamera video, aplikasi 'greenscreen' dan sesi penyuntingan. Di dalam sesi ini juga peserta diajak turut bersama mengaplikasikan segala teori teknikal yang diajar ke dalam sesi praktikal, yang turut diadakan dalam sesi tersebut. Peserta juga diajar dan dilatih menggunakan kamera video sebenar semasa sesi yang dipanggil 'Test Screen' iaitu penggambaran yang diadakan dalam set dan props yang disediakan. Penceramah yang menyampaikan sesi Bahagian Teknikal ini ialah YM Raja Aznil Raja Hisham yang merupakan Pereka Produksi yang terkenal, dan Pengarah Teknikal terkenal iaitu Encik Jayathan a/l Perumal.



Dalam sesi ceramah ini, beliau banyak menekankan pendedahan terhadap format yang betul dalam penulisan skrip termasuk tagline, logline, hipotesis dan skrip. Dalam masa yang sama juga, beliau turut memainkan tayangan-tayangan bagi skrip video dan filem terbaik dalam dan luar negara

Adalah diharapkan melalui ilmu formal dan tidak formal serta pengalaman mengenai filem dan video, yang telah dikongsi peserta bersama penceramah-penceramah ini, akan dapat membantu pelajar UniMAP khasnya peserta bengkel dalam menghasilkan karya filem dan video yang terbaik dan mantap mengikut kategori, bagi menyertai Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia yang ke-7 nanti. Semoga berjaya kepada semua peserta !